



UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI

SIARAN MEDIA

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS 2021-2025 (RMKe-12), SESI LIBAT URUS DALAM TALIAN

Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) sedang dalam proses akhir penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) yang akan dibentangkan di Parlimen pada awal tahun 2021. Laman Web Khas RMKe-12 telah diwujudkan bagi membolehkan semua lapisan masyarakat mengemukakan cadangan dan pendapat mengenai hala tuju pembangunan negara. Cadangan yang dikemukakan akan dipertimbang dan diperincikan sebagai input dalam penyediaan RMKe-12.

Sesi libat urus pertama telah dijalankan pada 5 November 2019 sehingga 31 Disember 2019 dimana EPU telah menerima 188 maklumbalas dalam talian yang terdiri daripada 42 dari organisasi Kerajaan, 30 dari organisasi swasta, 50 dari NGO, 14 Pelajar dan 52 lain-lain organisasi. Maklumbalas yang diterima merangkumi 4 dimensi iaitu 63 Dimensi Ekonomi, 44 Dimensi Sosial, 51 Dimensi Alam Sekitar dan 30 Dimensi Alat Dasar & Tadbir Urus.

Kerajaan ingin terus mempelawa pelbagai pihak termasuklah sektor swasta, akademik, badan bukan kerajaan dan rakyat untuk berkongsi cadangan melalui laman web khas di alamat <http://rmke12.epu.gov.my/engagement> dan menggunakan tanda pagar (*hashtag*) #RMKe12 di media sosial Facebook, Twitter dan Instagram. **Cadangan boleh dikemukakan mulai 18 November hingga 2 Disember 2020.**

Pandangan boleh diberi tumpuan dalam beberapa bidang iaitu langkah memulihkan semula ekonomi, menangani isu kemiskinan, pembangunan modal insan mahir, penerimgunaan teknologi dan pendigitalan, penyertaan masyarakat dalam ekonomi digital, kelestarian alam sekitar, pembangunan Sabah dan Sarawak serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Pandangan-pandangan yang anda berikan amat dihargai.

Menyedari bahawa negara sedang berada dalam situasi yang sukar dan mencabar akibat pandemik COVID-19, Kerajaan amat prihatin dan berusaha memastikan RMKe-12 yang sedang dalam peringkat akhir penyediaan, digubal untuk membolehkan ekonomi negara kembali pulih serta berdaya saing. Memandangkan kemakmuran rakyat adalah keutamaan Kerajaan, langkah yang sewajarnya akan diambil untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara di samping memastikan kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Asas penyediaan RMKe-12 adalah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bertujuan untuk mewujudkan pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta membina negara bersatu, makmur dan bernaun.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

18 November 2020